

**Bantah Umno 'najis tandas', ADUN Paloh digantung  
Malaysiakini.com  
November 10, 2010**

ADUN Paloh daripada BN hari ini digantung selama sehari daripada menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kerana didakwa ingkar perintah Timbalan Speaker, Mohd Zaki Ibrahim.

Datuk Nozula Mat Diah diperintah keluar dewan dan digantung sehari daripada menghadiri persidangan setelah enggan mematuhi arahan Mohd Zaki yang memintanya supaya duduk bagi membolehkan Dr Nik Mazlan Nik Mohamed (PAS-Gaal) meneruskan perbahasan Bajet 2011 kerajaan negeri.

Insiden berlaku ketika Nozula bangun membantah perkataan yang dikeluarkan Abdul Fatah Harun (PAS-Bukit Tuku) yang mengumpamakan Umno seperti "najis dalam tandas" ketika mencelah perbahasan Dr Nik Mazlan.

Kata-kata Abdul Fatah menyebabkan Nozula bangun meminta Abdul Fatah menarik balik kenyataannya yang disifatkan sebagai menghina Umno.

Suasana dewan menjadi "panas" apabila Abdul Fatah enggan menarik balik kata-katanya dan Mohd Zaki, yang cuba menenangkan keadaan dewan, menyifatkan apa yang dikatakan Abdul Fatah tidak menyalahi peraturan dewan.

Ini menyebabkan perang mulut antara Nozula dan Mohd Zaki, yang kemudiannya berang dengan keengganannya Nozula duduk, lalu memerintahkannya keluar dewan.

Ketika ditemui di luar dewan, Nozula melahirkan perasaan sedih dengan penghinaan Abdul Fatah terhadap Umno.

"Apa yang dikatakan Bukit Tuku menimbulkan kemarahan dan menghina Umno seolah-olah Umno tidak berjasa. Saya sedih Umno dihina sebegitu rupa. Saya menerima arahan (timbangan) speaker yang menghalau saya," katanya yang dilihat mengalirkan air mata.

Nozula berkata ini kali ketiga sepanjang beliau menjadi ADUN diperintah keluar dewan dan sekali digantung elau.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147807>